

SYARAT DAN PERATURAN MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

ANUGERAH TOKOH AKADEMIK UNIVERSITI

1. Anugerah Tokoh Akademik Universiti adalah satu pengiktirafan kepada staf akademik UPNM yang telah menunjukkan ketokohan akademik. Ketokohan akademik mengambil kira semua sumbangan kumulatif anugerah dan pengiktirafan yang diterima sepanjang hayat.
2. Anugerah ini akan ditentukan oleh Jawatankuasa Induk tertakluk kepada persetujuan Pengurusan Universiti.
3. Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah seperti berikut:
 - i. Menerajui secara holistik bidang pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik.
 - ii. Berkhidmat sebagai staf akademik di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sekurang-kurangnya enam tahun secara kumulatif dalam kerjaya akademik.
 - iii. Pernah menerima anugerah atau pengiktirafan ketokohan daripada badan profesional/ilmiah yang berprestij di peringkat kebangsaan/antarabangsa.
 - iv. Membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.
 - v. Menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang akademik yang diterajui.